



Berkat hati cekal

■ **Bekas asnaf Lzs berjaya dalam perniagaan terima sijil penghargaan**

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Shah Alam

Saya sebelum ini pernah tidak menerima gaji selama tiga bulan dan perlu terus menyara lapan anak dengan bantuan isteri yang hanya menjual kuih-muih di tepi jalan.

"Namun, saya bersyukur mampu kembali bangkit dengan memperluaskan lagi perniagaan dan turut diberi peluang mendidik mereka yang ingin menceburi bidang itu," kata Sharifudin Meon, 52, yang bukan saja berjaya mengusahakan perniagaan roti dan kek, malah memiliki pusat latihan bakeri sendiri.

Semalam, dia antara tiga usahawan bekas asnaf Lemba Zakat Selangor (LZS) yang dipilih menerima sijil penghargaan berikutan kejayaan mereka dalam perniagaan masing-masing.

Menurut Sharifudin, dia mula berjinak-jinak meneruskan perniagaan kecil-kecilan isterinya sejak 2003 sebelum berjaya memiliki sebuah premis di Semenyih.

"Saya sebelum itu diberhentikan kerja selepas 13 tahun berkhidmat kerana syarikat mengalami masalah kewangan dan hidup susah



IBRAHIM (tengah) bersama usahawan asnaf, semalam.

dengan perlu menanggung semua anak berusia empat hingga 19 tahun.

"Bagi menyara kami sekeluarga, saya dan isteri menjual pisang goreng dan kuih. Pada 2006, kami kemudian mendapat kontrak membekalkan ribuan kuih di pusat latihan tentera dan memohon bantuan peralatan daripada LZS," katanya ketika ditemui pada program Transformasi Usahawan Asnaf (TUAS), di sini, semalam.

Selain 300 usahawan asnaf, majlis itu dihadiri Pe-

ngurus Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) Datuk Ibrahim Md Yusof.

Sharifudin berkata, walaupun 'kontrak' itu hanya bertahan selama dua tahun kerana masalah kewangan, dia enggan berputus asa dan mempelbagaikan pembuatan kuih kepada roti serta kek pada 2008.

"Alhamdulillah, kesabaran dan kesungguhan saya bersama isteri membawa hasil apabila mendapat perenimaan baik masyarakat setempat sehingga berupaya membuka kedai dan mem-

bekalkan roti kepada sekoalah.

"Jika dulu pendapatan bulanan hanya RM1,300 namun kami kini turut memiliki pusat latihan bakeri dan menceburi bidang katering secara lebih meluas," katanya yang kini seorang pembayar zakat.

Sementara itu, Ibrahim berkata, TERAS menyasarkan seramai 150 asnaf mampu keluar daripada kepompong kemiskinan untuk menjadi usahawan berjaya menerusi pakej bantuan ekonomi LZS tahun ini.

"Saya bersyukur mampu kembali bangkit dengan memperluaskan lagi perniagaan dan turut diberi peluang mendidik mereka yang ingin menceburi bidang itu"

Sharifudin Meon



Headline	Andik penyelamat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Arena	Circulation	1,270,667
Page No	59	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	148 cm ²
Journalist	firdaus hashim	AdValue	RM 3,415
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,246



Firdaus Hashim

firdaushashim@hmetro.com.my

Shah Alam: Sentuhan ‘magis’ ketua pasukan Selangor Andik Vermansyah berjaya menyelamatkan maruah skuad Merah Kuning apabila tandukannya pada 10 minit terakhir menyaksikan pasukannya mengikat Terengganu 1-1 dalam aksi Liga Super di Stadium Shah Alam, malam tadi.

Terengganu yang kini berada dalam zon penyingkiran, memulakan aksi dengan penuh meyakinkan apabila meraih sepakan percuma seawal minit kelapan selepas Ashari Samsuddin dijatuhkan pertahanan tuan rumah.

Namun, sepaikan yang diambil tonggak tengah skuad penyu Joseph Kalang Tie gagal menemui rakan sepasukan sebaliknya mudah diluarkan bekas pertahanan Queens Park Rangers Ugo Emenike sekali gus menenangkan seketika kubu Selangor.

Berselang lima minit kemudian, pelawat datang lagi dengan kali ini bekas pe-

Andik penyelamat

nyerang skuad kebangsaan Norshahrul Idlan Talaha melepaskan rembatan jarak jauh namun sekadar melewati palang gol.

Ketika Terengganu rancak memburu jaringan, penyerang importnya Issey Nakajima terpaksa diusung keluar pada minit ke-20 selepas pemain itu mengalami kecederaan dan tempatnya digantikan dengan Fakrurazi Musa.

Ketiadaan Nakajima itu seperti membawa tuah buat skuad Red Giants apabila mereka mula menguasai rentak dan Patrick Ronaldinho hampir mencatat namanya selaku penjaring pada minit ke-34, namun tandukannya melambung tinggi.

Begitu juga percubaan Ukah pada minit ke-40 apabila tandukannya hanya melintasi depan gol pelawat biarpun Sharbinee Allawee sudah tertewas.

Bersambung babak kedua, tuan rumah terus meningkatkan tekanan ke atas anak buah Mustaffa Kamal dengan percubaan Ronaldinho

di minit ke-50 hampir memecah kebuntuan namun Sharbinee tenang menghalang tandukan pemain kelahiran Liberia itu.

Ashari yang pernah digelar ‘The Silent Killer’ membuktikan gerakan penyudah miliknya masih berbisa apabila menjaringkan gol pertama perlawanan pada minit ke-64 menerusi sepakan voli yang gagal ditampar Khairul Azhan.

Tersentak dengan gol pelawat itu, pengendali Selangor K Gunalan melakukan tiga pertukaran dengan mengeluarkan Hadi Yahaya, R Gopinathandan dan Saiful Ridzuwan untuk digantikan dengan Adam Nor Azlin, Hafiz Bakri serta Hafiz Kamal.

Impak segera yang diharapkan pengendali semestara itu nyata membawa hasil apabila tandukan Andik berjaya mengikat kedudukan pada minit ke-82 sekali gus menyaksikan kedua-dua pasukan sekadar berpuas hati meraih satu mata.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	1	0	RM 0
Queens Park Rangers F.C (Queens Park Rangers)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



17 Aug 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 34 • Printed Size: 8.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 315.15
PR value: MYR 945.45 • Item ID: MY0026789823

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

HARAP PBT dan PDRM ambil tindakan tegas terhadap premis perjudian sekitar bandar Puchong Utama, Selangor. Bila PBT buat operasi premis itu tutup pula. >**TEMPUR** [IMB38824]

Headline	Selangor gagal jerat Penyu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	42	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,560
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,679



Selangor gagal jerat Penyu

Shah Alam: Selangor gagal menjadikan Terengganu 'mangsa' ketiganya selepas terpaksa berhempas pulas untuk mengikat skuad Sang Penyu apabila seri 1-1 pada aksi Liga Super di Stadium Shah Alam, malam tadi.

Beraksi cemerlang dalam dua perlawanan Piala Malaysia sebelum ini, anak buah K Gunalan itu dilihat bergelut ketika menentang pasukan di zon penyaringan itu sehingga menyaksikan mereka ketinggalan sebelum berjaya mengikat kedudukan ketika perlawanan berbaiki lapan minit.

Percaturan kedua-dua pasukan yang memasukkan pemain

gantian iaitu Bogdan Milic buat Terengganu dan Adam Nor Azlin untuk Selangor mencetus impak segera apabila kedua-dua pemain menjadi penggerak buat dua gol yang dijaringkan kedua-dua pasukan itu.

Namun, keputusan ini menyaksikan Selangor gagal meraih sebarang kemenangan dalam empat aksi Liga Super manakala Terengganu terus malang apabila sekadar meraih dua mata daripada lima aksi terakhir.

Terengganu lebih banyak mendominasi permainan pada awal babak, namun situasi hulu-hara di hadapan gol tuan rumah pada minit ketujuh gagal dimanfaatkan dengan baik sebelum percubaan penyaringan kebangsaan, Norshahrul Idris Talaha pada minit ke-13 sedikit melepas palang gol.

Andik jadi penyelamat

Selangor turut memiliki beberapa peluang keemasan untuk memburu gol pembukaan menerusi percubaan Andik Vermansyah pada minit ke-34, namun ditampar pertahanan Te-

rengganu sebelum tandukan Patrick Ronaldinho Wleh pada minit ke-39 tersasar ke bahagian kanan pintu gol kawalan Md Sharbinee Allawee.

Babak kedua bersambung, sa-

tu serangan balas daripada sayap kanan Terengganu yang dilakukan menerusi Bogdan Milic bijak melorongkan hantaran kepada Mohd Ashari Samsuddin yang mengawal bola sebelum merembat kencang menuangkan Khairul Azhan Khalid buat gol pertama pelawat pada minit ke-64.

Kemasukan Adam dua minit selepas dibolosi nyata menjadi inspirasi buat Selangor apabila penyering muda itu melakukan hantaran lintang yang mudah ditanduk masuk Andik untuk mengikat kedudukan lapan minit sebelum tamat perlawanan.

- Oleh Syafiq Aznan

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	1	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



Misi gempur denggi

Patrol Denggi SMK Puncak Alam, penduduk gotong-royong bersih kawasan taman perumahan

PUNCAK ALAM – Bukan sahaja aktif memerangi wabak denggi, Patrol Denggi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Puncak Alam turut berpeluang mendekati masyarakat setempat dalam memberi kesedaran penjagaan alam sekitar.

Pengetua sekolahnya, Rohani Mohd Nor berkata, pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan dilaksanakan secara berterusan termasuk gotong-royong membersihkan kawasan taman perumahan dan pantai.

Penglibatan semua pihak terutamanya Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor cukup baik selain sokongan penduduk sekitar.

"Aktiviti memerangi wa-

bak denggi ini akan berterusan bagi membantu penduduk meningkatkan kesedaran menjaga alam sekitar," katanya pada Program Gotong-Royong Patrol Denggi SMK Puncak Alam bersama Alam Suria 5A3.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Alam Suria 5A3, Redzoan Abu Sadin; Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar (HEP) SMK Puncak Alam, Norul Aini Omar dan Pembantu Kesihatan Awam Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor, Muhammad Solahuddin Hamidin.

Program gotong-royong buat kali ke-15 itu turut menyaksikan penglibatan hampir 200 penduduk setempat bersama pelajar dan guru SMK Puncak Alam di kawasan sekitar Alam Suria 5A3.



Sebahagian penduduk bersedia dengan peralatan masing-masing untuk memulakan aktiviti gotong-royong.



Sebahagian penduduk dan pelajar SMK Puncak Alam berganding bahu menjayakan aktiviti gotong-royong.



Pemeriksaan nyamuk di kawasan longkang taman perumahan itu.



Rohani (tiga, kanan) mendengar penerangan Muhammad Solahuddin mengenai wabak denggi.



17 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Norafiza Jaafar • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 289.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,930.00
PR value: MYR 14,790.00 • Item ID: MY0026788531

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@nsog.org.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Padah gagal bayar cukai taksiran

Lima premis disita libatkan tiga kilang dan dua bengkel kereta, tindakan diambil selepas pemilik tak endah notis MPS

• NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Pemilik atau pemegang unit premis yang gagal menjelaskan bil semasa dan tunggakan cukai taksiran bakal berdepan tindakan rampasan harta oleh Majlis Perbandaran Selangor (MPS).

Semalam, sebanyak lima premis disita melibatkan tiga kilang dan dua bengkel kereta di Sungai Bakau dan Taman Velox, selepas pemiliknya merekodkan tunggakan masing-masing bernilai RM20,000 dan RM25,000 terkumpul antara empat hingga 10 tahun.

Pengarah Perbendaharaan MPS, Azhar Samsuri berkata, tindakan tegas diambil selepas

pemiliknya tidak mengendahkan notis dan waran yang diluarkan serta tidak tam-pil ke MPS untuk rundingan pembayaran.

"Bagi penggal tahun pertama bil diedarkan kepada 170,000 pemegang disusuli notis peringatan kepada 60,000 yang belum menjelaskannya dan akhirnya, waran kepada baki yang tidak membuat bayaran. Mereka diberikan tempoh selama tujuh hari untuk menjelaskan bil atau ber-depan tindakan rampasan harta.

"Berbanding tahun sebelumnya, jumlah kutipan bagi

suku pertama menunjukkan penurunan. Tindakan dibuat hari ini adalah sebagai peringatan. Walaupun kerajaan negeri mengecualikan cukai taksiran bagi unit kos rendah dan kawasan kampung, namun bukan alasan kepada pemilik untuk tidak menjelaskan tunggakan," katanya.

Menurutnya, pemilik yang mempunyai masalah pembayaran boleh hadir ke MPS untuk merujuk jadual pem-bayaran yang disyorkan.

"Mereka perlu tampil, ja-nang sampai rampasan dibuat baru nak buat rayuan. Ketika


itu prosesnya akan jadi susah.

"Kebanyakan yang susah membayar cukai ini melibatkan pengusaha industri dan unit kediaman. Sementara pemaju mematuhiinya memandangkan ada membuat pertemuan dua tahun sekali untuk perbincangan berhubung perkara itu.

"Bagi penyewa unit kediaman juga kita ada budi bi-carajadualkan ansuran di bawah Seksyen 148 Akta 171 dimana sewa bulanan yang se-patutnya dibayar kepada pemilik diserahkan kepada MPS sehingga tunggakan unit se-lesai," katanya.



AZHAR



Penguat kuasa menyita tayar sebuah bengkel selepas pemiliknya mengendahkan waran dan mengumpul tunggakan kira-kira RM20,000.



17 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 37 • Printed Size: 281.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,793.21
PR value: MYR 14,379.63 • Item ID: MY0026788536

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Pembinaan Masjid Tun Teja lancar

Walaupun alami kelewatan disebabkan kerja pengukuhan cerun, namun projek dijangka siap dalam tempoh dua tahun

RAWANG - Masalah teknikal termasuk kerja pengukuhan cerun antara faktor utama projek pembinaan Masjid Taman Tun Teja mengalami sedikit kelewatan.

Namun Exco Hal Ehwal Agama Islam, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, perkara tersebut tidak rumit sehingga memerlukan tempoh terlalu lama untuk diselesaikan.

"Pemasangan tembok untuk kerja pengukuhan cerun berada atas sempadan rizab masjid dan tanah persendirian yang perlu diberikan peringatan kepada pemiliknya untuk makluman.

"Pemasangan cerucuk dan kerja tanah sedang dilakukan

atas tanah itu sebelum pembinaan struktur dimulakan. Penduduk tak perlu bimbang mengenai perkembangannya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berpuas hati dengan perkembangan projek tersebut dan berharap permasalahan teknikal di kawasan itu dapat diatasi kontraktor.

Menurutnya, masalah dari segi teknikal biasanya dapat dilihat semasa projek bermula memandangkan lokasinya bercerun dan tidak rata serta memerlukan sedikit masa sebelum fasa kerja seterusnya dilakukan.

"Masalah tidak serius dan tidak membimbangkan, dijangka masjid siap dalam tempoh dua tahun di mana kos ditanggung Jais (Jabatan Agama

Islam Selangor) serta boleh digunakan 1,500 jemaah dalam satu masa," katanya.

Masjid Tun Teja dibina untuk keperluan penduduk setempat yang sebelum ini berdepan masalah lambakan jemaah berikutan tidak mampu ditampung surau se-dia ada.

Cadangan pembinaannya mula diperkatakan tahun lalu, apabila penduduk mendakwa peruntukan dan tanah telah disediakan namun tiada sebarang kerja dilakukan di atas tanah itu.

Adun Rawang, Gan Pei Nei, sebelum itu menjelaskan projek sepatutnya bermula Januari lalu namun perlu menyelesaikan perkara berkaitan pemilikan tanah dahulu sebelum kerja dilakukan.



Ahmad Yunus meninjau perkembangan projek Masjid Tun Teja.



17 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 337.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,748.00
PR value: MYR 17,244.00 • Item ID: MY0026788537

PEJABAT SETIAHUSA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Ancam kesihatan

Penduduk kesal sekolah Kafa dijadikan tapak buang tanah

BALAKONG - Penduduk Taman Impian Ehsan di sini, memohon Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) membatalkan kelulusan penyewaan sebahagian tanah Sekolah Rendah Agama Kafa Integrasi Al Ehsaniyyah yang diberi kepada sebuah syarikat, sejak April lalu.

Difahamkan, syarikat berkenaan menyewa tanah seluas 1.2 hektar itu bagi aktiviti pejabat tapak, stor barang dan jentera berat.

Pengerusi Rukun Tetangga Taman Impian Ehsan, Mejari (B) Abdul Rahim Mohd Amin berkata, penduduk kecawa tapak tersebut dijadikan tempat pembuangan tanah hingga menimbulkan pelbagai isu.

Lebih dikesalkan, aktiviti di tapak itu didakwa diberi kelulusan tanpa perbincangan dan tidak mengambil kira pandangan jawatankuasa pengurusan serta pentadbiran sekolah.

Menurutnya, penduduk sekitar juga tidak dimaklumkan berhubung perkara itu dan kini menghadapi risiko isu kesihatan dan keselamatan.

Abdul Rahim berkata, pihak sekolah mengetahui menganai permohonan sewaan tapak pada Februari sebelum memohon ia dibatalkan dalam surat bertarikh 8 Mac lalu.

Bagaimanapun, bahagian pengurusan sekolah terkejut apabila gesaan pembatalan tidak diendahkan dan Jais mem-



MASTAR

tadbir sekolah juga menjekan rancangan pembangunan jangka pendek dan panjang sekolah.

"Saya mohon Jais batalkan kelulusan diberi," katanya.

Tegasnya, jika tidak mendapat sebarang maklum balas, penduduk akan membawa isu itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menghantar memorandum kepada Sultan Selangor.

Pengerusi Kejiranan Penaga, Mastar Muni, 53, berkata, penduduk berdepan masalah kesihatan akibat debu tanah apabila lori melalui kawasan berdekatan perumahan.

Menurutnya, setiap hari hampir 10 lori keluar masuk membawa muatan tanah dan batu untuk tambak tapak itu.

"Ada 44 unit rumah berdekatan tapak itu, sekarang bukan saja keselamatan dan keselesaan, kesihatan penduduk juga seperti tidak diambil kira dan terjejas. Memang pihak syarikat ada siram jalan untuk elak debu tapi tak cukup.

"Lori keluar masuk juga bahayakan nyawa murid sekolah. Kalau nak teruskan juga tingkatkan keselamatan di sini," katanya.

Sementara itu, *Sinar Harian* difahamkan, dalam surat itu, Jais memaklumkan pihaknya secara dasar tiada halangan atas permohonan pihak syarikat menggunakan tanah tersebut sehingga pembangunan dibuat pihaknya.



17 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 337.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,748.00
PR value: MYR 17,244.00 • Item ID: MY0026788537

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsorong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Penduduk menunjukkan tapak sekolah Kafa yang ditambak sebuah syarikat untuk dijadikan pejabat tapak dan stor simpanan barang.



17 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 36 • Printed Size: 214.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,650.35
PR value: MYR 10,951.05 • Item ID: MY0026788532

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Sultan berkenan kumia pingat

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam, berkenan mengurniakan pingat kepada 194 penerima.

Istiadat pengurniaan tersebut berlangsung di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Sultan Selangor yang ke-70, Disember lalu.

Mendahului senarai penerima pingat-pingat pada istiadat pengurniaan kali ini ialah Pegawai Waran 1, Jamaluddin Che Zam, Sub Inspektor, Mohamad Mahmud Bagong dan Ketua Inspektor Penjara, Ramli Umar masing-masing menerima Pingat Pekerti Terpilih (PPT).

Pengurniaan pingat tersebut diikuti dengan 23 penerima lain.

Pingat Perkhidmatan Cemerlang Selangor (PPC), dikurniakan baginda kepada 31 penerima yang sedang atau



Sultan Selangor mengurniakan pingat kepada Pegawai Waran 1, Jamaluddin dalam Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Negeri Selangor Darul Ehsan, semalam.

Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

berkhidmat sekurang-kurangnya tujuh tahun dengan kerajaan negeri dengan cemerlang.

Antara penerima tersebut ialah Sarjan Mejari Arifin Omar, Sarjan Mejari Wong Hua May, Sarjan Faizol Abd Halim

dan Koperal Mohd Nasir Abdullah.

Selain itu, seramai 123 penerima yang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kerana berjasa kepada negeri serta tekun dan taat menjalankan

tugas.

Seramai 14 yang lain pula menerima Pingat Perkhidmatan Selangor (PPS), terdiri daripada kakitangan kerajaan negeri yang sedang atau berkhidmat dengan kelakuan terpuji.



17 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 42 • Printed Size: 295.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,032.02
PR value: MYR 15,096.06 • Item ID: MY0026788630

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakorporat@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Syabas ganti paip lama

Masalah bekalan air yang sekian lama belenggu penduduk bakal berakhir November ini

KUALA KUBU BHARU - Penduduk di Kuala Kubu Bharu boleh menarik nafas lega apabila masalah paip pecah dijangka berakhir November ini.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, masalah yang sudah lama membelenggu penduduk itu bakal berakhir selepas Syabas mensahkan akan menggantikan paip uzur itu seawal November.

"Pihak Syabas sudah bawa perkara itu kepada pihak ibu pejabat dan kita kini menunggu giliran bagi mendapat paip gantian terutama melibatkan Kampung Asam Kumbang.

"Paip penghubung yang berdiameter 150 milimeter akan ditukar kepada paip gantian dan selepas itu kita harap masalah tekanan air tidak cukup di Kampung Asam Kumbang dan sekitar Kuala Kubu Bharu akan selesai," katanya.

Selain itu, pihaknya juga sudah melakukan perbincangan lanjut an-

tara kontraktor dengan Syabas bagi menangani isu jalan mendap akibat kerja korek jalan.

"Saya agak risau jika paip yang sudah uzur tidak diganti kerana sudah cukup tempoh untuk dapat paip gantian baru.

"Ini kerana, Hulu Selangor menjadi wilayah keempat tertinggi kes paip pecah selepas Petaling, Kuala Lumpur dan Hulu Langat sepanjang 2015," katanya.

Menurutnya, untuk seluruh Selangor, Syabas mengesahkan terdapat 84 paip lama sudah uzur dan perlu diganti baharu membabitkan kos sebanyak RM68 juta bagi 2015.

Katanya, walaupun agak terlambat bagi membuat kerja penggantian paip, pihaknya boleh meluahkan rasa lega selepas kerja penambahbaikan itu dijalankan tidak lama lagi.

"Banyak paip di kawasan ini sudah

uzur dan menyebabkan masalah paip pecah yang sudah tentu menyukarkan pengguna.

"Untuk mengatasi masalah ini, kita laksanakan sistem pengurusan tekanan melalui penubuhan Zon Pengurusan Tekanan dengan memasang injap bagi mengurangkan tekanan," katanya.

Kee Hiong berkata, bagi tempoh 2016, sebanyak 12 kawasan hotspot melibatkan jumlah panjang paip sebanyak 59.5 kilometer dengan peruntukan RM50 juta akan mula diganti dengan paip baharu melibatkan kawasan Gombak, Kuala Lumpur, Klang dan Hulu Langat.

"Sebanyak 11 lagi kawasan hotspot melibatkan panjang paip sebanyak 85 kilometer melibatkan kawasan Petaling, Kuala Lumpur, Kuala Langat, Sepang dan Hulu Selangor sedang dalam tindakan bagi menyiapkan reka bentuk," katanya.



Kee Hiong (enam, kiri) bersama kakitangan dan pegawai Syabas Hulu Selangor selepas melakukan perbincangan berhubung isu paip pecah yang kerap berlaku di daerah ini.



MBPJ anjur kempen tembak gagak

PETALING JAYA - Seramai 38 peserta mengambil bahagian pada kempen Tembak Gagak 2016 yang diadakan sekitar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sini, Sabtu lalu.

Timbalan Datuk Bandar (MBPJ), Johary Anuar berkata, kempen tembak gagak ini merupakan salah satu kaedah kawalan dan pemusnahan yang dijalankan majlis sejak 1980-an lagi.

"Saya berharap agar penganjuran kempen ini dapat mengurangkan populasi burung gagak serta menangani aduan penduduk-penduduk kawasan MBPJ berkaitan kacau ganggu burung gagak.

"Mereka yang mengambil bahagian merupakan peserta yang berdaftar serta memiliki lesen senjata api yang sah dan diperakui oleh pihak polis.

"Saya juga meminta kepada peserta agar tidak menembak di luar zon kawasan pentadbiran MBPJ," katanya.

Beliau berkata, peningkatan populasi gagak juga disebabkan oleh kesesuaian kawasan menjadi tempat tinggal burung tersebut seperti di kawasan yang terdapat pokok yang sesuai untuk dibuat sarang.

"Semoga bandar raya kita akan bebas daripada gangguan dan ancaman gagak," katanya.



Johary (berdiri, tujuh kiri) bersama sebahagian peserta yang menyertai kempen Tembak Gagak 2016, Sabtu lalu.



17 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID • Section: Sukan • Page: 53
Printed Size: 773.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 13,185.60 • PR value: MYR 39,556.80 • Item ID: MY0026788702

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDU AZIZ SHAH,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: setiahotungor@gmail.com



Page 1 of 1



Antara aksi menarik kedua-dua pasukan bertanding.

Takraw amal

Satu tan beras dikumpulkan daripada pasukan bertanding

■ MOHAMAD FAZRUL
ABDUL MAJID

INISIATIF Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw MPSJ Terbuka dan Veteran 2016 berkonsepkan amal mencapai matlamat pengajurannya apabila berjaya mengumpulkan hampir satu tan beras untuk diagihkan kepada rumah anak yatim yang terpilih iaitu Rahoma Darul Fakir dan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (Ractar).

Lebih menarik kejohanan yang mendapat kerjasama Program Kemiskinan Masyarakat Bandar (PKMB) dan Jabatan Kebajikan

Masyarakat pada 13 Ogos lalu itu yang mewajibkan setiap pasukan diwajibkan membawa dua kampit beras bagi kategori terbuka dan satu kampit beras bagi kategori veteran menarik penyertaan 70 pasukan.

Beras itu kemudiannya diagihkan kepada dua rumah anak yatim yang terpilih iaitu Rahoma Darul Fakir dan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (Ractar).

Menurut Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlani, kejohanan berkonsep amal ini diharapkan dapat membuka mata lebih banyak badan kerajaan dan swasta lain mengajurkan kejohanan sedemikian.

"Kejohanan kali ini saya anggap sebagai perintis kepada pengajuran kejohanan sukan berkonsep amal dan diharap ia dapat membuka mata badan-badan kerajaan dan swasta yang lain untuk menganjurkan kejohanan sukan berkonsep sebegini bagi membantu insan-insan yang memerlukan."

"Tahun ini, kami bermula dengan beras, dan insya ALLAH untuk tahun mendatang kami mungkin akan dapatkan sumbangan lebih besar daripada pengajuran sukan lain seperti golf dan bola sepak."

"Walaupun kecil apa yang disumbangkan kali ini, tetapi



Nor Hisham menyerahkan sumbangan beras kepada Rumah Anak Yatim Rahoma Darul Fakir.

saya percaya besar manfaatnya kepada mereka memerlukan," ujarnya.

Penyertaan meriah

Kejohanan kali ini berjaya menarik penyertaan 40 pasukan untuk Kategori Terbuka dan 30 untuk Kategori Veteran.

Penyertaan diterima tidaklah terhad dari kawasan Subang Jaya sahaja, malah tutur mendapat penyertaan peserta dari Kedah, Terengganu, Pulau Pinang, Perak, Melaka

dan Johor.

Paling menarik, penyertaan seorang warga Amerika Syarikat yang ingin merasai pengalaman menyertai kejohanan sepak takraw.

Lebih menarik lagi, beliau berjaya lolos ke pusingan kedua sebelum tewas kepada regu diwakili bekas pemain kebangsaan.

KWSP, DBKL unggul

Di akhir pertandingan menyaksikan KWSP muncul juara keseluruhan Kategori

Terbuka membawa pulang RM2,000, piala dan hadiah tajaan Mu'min.

Naib juara pula disandang MPSJ yang membawa pulang RM1,200, piala dan hadiah tajaan Mu'min manakala tempat ketiga dan keempat milik ISTC Penang dan Bentara Melaka.

Untuk Kategori Veteran pula, DBKL dinobatkan sebagai juara keseluruhan selepas menewaskan Petronas Batu Gajah di pusingan akhir.

Dengan kejuaraan itu, mereka membawa pulang RM1,200, piala dan hadiah tajaan Mu'min manakala naib juara membawa pulang RM800, piala dan produk Mu'min diikuti ketiga dan keempat pula masing-masing disandang MPSJ dan Petronas Batu Gajah.

Bagi hadiah khas pula, Amyrl Shafiq Sharuddin dari KWSP muncul Pemain Terbaik Kategori Terbuka manakala Norali Abdullah pula dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Kategori Veteran.

Pemain terbaik kategori terbuka dan veteran.



Barisan pemenang Kejohanan Sepak Takraw MPSJ Terbuka dan Veteran 2016 baru-baru ini.

5 PALING HANGAT PILIHAN PEMBACA SINAR ONLINE!

1



TERUS MENDUDA LEBIH BAIK!

Artikel kolumnis MUHAMAD MAT YAKIM pada September 2015 lalu mengenai Datuk Seri Mohamaed Azmin Ali kembali hangat.

Antara kandungan artikel tersebut adalah Azmin penuh yakin menegaskan PKR tetap mahu menjalankan kerjasama dengan Pas - kenyataan yang pastinya menggegarkan telinga Mat Sabu dan juga Lim Guan Eng.



2

OLIMPIK: PENG SOON, LIU YING MARA KE FINAL

Pasangan beregu campuran negara, Chan Peng Soon-Goh Liu Ying menjadi wakil pertama negara berjaya mara ke pentas akhir acara badminton pada aksi Sukan Olimpik Rio kali ini.

Kemenangan itu bukan sahaja memastikan pingat Perak dalam genggaman mereka, tetapi juga meletakkan pemburuan emas pertama Malaysia itu pada sukan Olimpik berada di landasan terbaik.

3

'KENYATAAN NAJIB TENTANG BERSATU ANEH'

Presiden Penaja Parti Pribumi Bersatu (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempersoalkan keupayaan parti itu membela nasib Melayu kerana mempunyai hubungan dengan DAP adalah sesuatu yang aneh.

Menurutnya, selepas mengemukakan permohonan kepada ROS, serangan terhadap Bersatu yang belum lagi ditubuhkan datang secara bertulu-tulu daripada pemimpin Umno.



4

ATLET GIMNAS KECEWA JADI MANGSA 'TROLL'

ATLET gimnas Amerika Syarikat (AS), Gabby Douglas mendakwa, anak perempuannya dikecam dan menjadi mangsa buli siber semasa Sukan Olimpik Rio 2016 berlangsung.

Semua ini terjadi selepas Douglas, 20, didakwa tidak patriotik kerana gagal meletakkan tangannya di dada kiri semasa lagu kebangsaan AS berkumandang.

5



Dato' Alkaffir Ghazali
Doktor Klinik Kesihatan

GAJI DOKTOR HOSPITAL KERAJAAN RENDAH

GAJI rendah di hospital kerajaan punca ramai doktor menjalankan kerja sambilan selepas waktu pejabat.

Seorang pakar doktor ketika memberitahu Sin Chew Jit Poh, doktor muda di hospital kerajaan sebaik sahaja menamatkan pengajiannya di universiti, beliau akan dikategorikan Gred 41 dengan gaji bulanan diperolehnya lebih kurang RM3,000 sahaja.



17 Aug 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 33 • Printed Size: 123.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,431.01
PR value: MYR 7,293.03 • Item ID: MY0026789918

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahusangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



BAZAR ROSDA

■ TIMBUL persepsi bahawa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) tidak bertimbang rasa ketika merobohkan Bazar Rosda di AU3, Keramat?

ORANG LAMA AU3

JAWAPAN: Tindakan perobohan bertujuan memberi laluan kepada pembinaan Lebuhraya Ulu Kelang-Sungai Besi (EKVE), malah peniaga terbabit menjalankan perniagaan di atas tanah kerajaan iaitu tanah lapang dan rizab jalan.

Kesemua 17 gerai yang tidak mempunyai lesen sah itu dirobohkan dalam operasi melibatkan 87 penguat kuasa dari MPAJ, Pejabat Tanah dan Daerah Gombak serta dibantu pihak Polis Diraja Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad.

NORHAYATI AHMAD
Pegawai Perhubungan Awam MPAJ



MASALAH GAGAK

■ BANDAR Baru Bangi merupakan kawasan yang selesa untuk didiami namun masalah gagak membuatkan penduduk tidak selesa, apatah lagi apabila kawanan burung itu menyelongkar sampah.

HAJI ROSLI

JAWAPAN: Majlis Perbandaran Kajang (MPK) dengan kerjasama 18 orang ahli Kelab Menembak Kajang menjalankan operasi menembak gagak bagi mengurangkan populasi burung berkenaan di sekitar Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi 13 Ogos lalu.

MPK telah menerima 36 aduan daripada penduduk di bawati kawasan DUN Bangi terutamanya di sekitar Seksyen 9, Seksyen 16 Bandar Baru Bangi

sejak awal

setahun lepas.

dan Bandar Seri Putra.

Kebanyakan aduan diterima berkaitan kacau ganggu burung gagak telah mengotori kawasan kediaman dan menyelongkar sampah di hadapan rumah.

MPK meminta kerjasama daripada penduduk termasuk pengusaha restoran serta gerai makanan agar menjaga kebersihan dan mengikat beg plastik sampah bagi mengelak kehadiran burung gagak.

MOHD. SAYUHI BAKAR
Yang Dipertua MPK

BAZAR ROSDA

■ TIMBUL persepsi bahawa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) tidak bertimbang rasa ketika merobohkan Bazar Rosda di AU3, Keramat?

